

U 8013 AAB  
MAHATHIR R R R

I

KUALA LUMPUR, 18 JULAI (BERNAMA) -- MALAYSIA BERKEPUTUSAN MEMBENARKAN SYARIKAT BROKER SAHAM ASING MENAMBAH PENYERTAAN EKUITI DARIPADA TAHAP SEMASA 30 PERATUS KEPADA 49 PERATUS, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MONAMAD HARI INI.

KATANYA, SEBAGAI SYARAT KELAYAKAN, RAKAN PERKONGSIAN SYARIKAT BROKER SAHAM ASING MESTI MENUNJUKKAN BAHAWA SYARIKAT ITU BERUPAYA MEMBERI SUMBANGAN POSITIF KEPADA PERNIAGAAN SYARIKAT BROKER SAHAM TEMPATAN.

INI SEJAJAR HASRAT KERAJAAN MELIHAT KEWUJUDAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM MALAYSIA YANG BERCORAK KORPORAT, KHUSUSNYA YANG MEMPUNYAI PENYERTAAN ASING, MENGUSAHAKAN SEBAHAGIAN BESAR PERNIAGAAN ASING, KATANYA SEMASA MERASMIKAN SECARA SERENTAK PERSIDANGAN KE-10 MAJLIS PENGANALISIS SEKURITI ASIA (ASAC) DAN MESYUARAT KETUJUH BURSA SAHAM ASIA TIMUR (EASEC) DI HOTEL SHANGRI-LA DI SINI.

INI MERUPAKAN KALI PERTAMA MALAYSIA MENJADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN ASAC DAN MESYUARAT EASEC MENERUSI INSTITUT PENYELIDIKAN PENGANALISIS PELABURAN MALAYSIA (RIIAM) DAN BURSA SAHAM KUALA LUMPUR (BSKL).

PERSIDANGAN ITU BERTUJUAN MEMAKLUMKAN PERKEMBANGAN SEMASA DAN ARAH ALIRAN BURSA-BURSA SAHAM UTAMA DUNIA DENGAN PENEKANAN KHAS KEPADA BURSA-BURSA SAHAM ASIA TIMUR KEPADA PARA PERWAKILAN DARI AUSTRALIA, HONG KONG, FILIPINA, INDIA, INDONESIA, JEPUN, KOREA, NEW ZEALAND, TAIWAN, THAILAND DAN MALAYSIA. -- LAGI  
1217MST 18 07 88

0404

U 8017 AAB  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MESYUARAT EASEC MERUPAKAN PERSIDANGAN TAHUNAN 11 BURSA SAHAM IAITU HONG KONG, KUALA LUMPUR, KOREA, MAKATI, MANILA, OSAKA, SINGAPURA, TAIWAN, THAILAND, TOKYO DAN AGENSI EKSEKUTIF PASARAN MODAL INDONESIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERHASRAT MEMAJUKAN PASARAN MODALNYA SUPAYA SETANDING DENGAN YANG DI NEGARA-NEGARA MAJU DAN USAHA-USAHA SERIUS SEPERTI MENGADAKAN PASARAN BON YANG LEBIH CERGAS, PASARAN UNIT AMANAH AND AMANAH HARTA SEDANG DIUSAHAKAN UNTUK MENCAPAINYA.

+HASRAT INI BERPUNCA DARIPADA KESEDARAN BAHAWA DUNIA SEKURITI MASA KINI MAJU PADA KADAR BAHARU SEDUNIA YANG TIDAK PERNAH BERLAKU. KAMI TIDAK BOLEH KETINGGALAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA LANGKAH KERAJAAN BARU-BARU INI UNTUK MENGGORPORATKAN INDUSTRI BROKER SAHAM BERTUJUAN MENINGKATKAN KEKUKUHAN KEWANGAN INDUSTRI SELAIN MEMBENARKAN KORPORAT-KORPORAT MENGETUAI USAHA MENJADIKAN BSKL SEBAGAI PASARAN SAHAM ANTARABANGSA MELALUI USAHA MENINGKATKAN KEMAHIRAN TEKNIKAL, PROFESIONALISME DAN MELUASKAN RANGKAIAN OPERASI.

PENYERTAAN AWAL DIAWASI DENGAN MEMBENARKAN HANYA BEBERAPA PESERTA KORPORAT MENYERTAI SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM SEBAGAI USAHA MEMASTIKAN KETERATURAN DAN KEMAJUAN PERALIHAN YANG LICIN, KATANYA. -- LAGI

1246MST 18 07 88

0421

U B023 AAB  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KERAJAAN MENGELUARKAN LESEN-LESEN BAHARU KEPADA TIGA BANK TEMPATAN YANG TERBESAR PADA LEWAT 1987 YANG DIJANGKA MEMPELOPORI USAHA PENGKORPORATAN INDUSTRI BROKER SAHAM.

+BIARPUN BANK-BANK INI AGAK BAHARU DALAM URUSNIAGA INI, KAMI PERCAYA MEREKA BERUPAYA MENJADI PEMIMPIN DALAM INDUSTRI INI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI, SEMENTARA ITU, BERKATA KERAJAAN AGAK PASTI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA AKAN BERKEMBANG DENGAN LEBIH CEPAT DAN MENCATATKAN KADAR PERTUMBUHAN BENAR KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SEBANYAK LEBIH LIMA PERATUS TAHUN INI.

PANDANGAN POSITIF INI BERDASARKAN PEMULIHAN DALAM EKONOMI NEGARA. SEJAK ENAM BULAN PERTAMA TAHUN 1987, KEBANYAKAN PETUNJUK UTAMA EKONOMI MENUNJUKKAN PENINGKATAN YANG TETAP BERIKUTAN HARGA KOMODITI YANG LEBIH TINGGI, PERMINTAAN LUAR YANG KUKUH SELAIN PEMULIHAN YANG BERANSUR-ANSUR DALAM PASARAN TEMPATAN. FAKTA-FAKTA YANG POSITIF INI MASIH DIALAMI DALAM ENAM BULAN PERTAMA TAHUN INI.

+BEBERAPA PAKAR EKONOMI BERPENDAPAT PERTUMBUHAN TAHUN INI MUNGKIN DALAM LINGKUNGAN ENAM HINGGA TUJUH PERATUS,+ KATANYA. -- LAGI  
1339MST 18 07 88

0423

U B024 AAB  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MEMINTA PERWAKILAN MEMBANTU MALAYSIA MEMAJUKAN BSKL KEPADA PARA PELABUR ASING MEMANDANGKAN BURSA ITU KINI MEMPUYAI KESEMUA PRASARANA DAN TEKNOLOGI KEWANGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK BERKEMBANG MENJADI SALAH SATU DARIPADA PASARAN SEKURITI YANG UTAMA DI RANTAU INI.

+SEHUBUNGAN INI, KAMI MEMINTA ANDA SEMUA MENGAJUKAN KEPADA GOLONGAN PELABUR MAKLUMAT MENGENAI PASARAN KAMI YANG DIPEROLEHI DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG BERTANGGUNGJAWAB DAN BUKAN DARIPADA MEREKA YANG KREDIBILITINYA BOLEH DIPERTIKAIAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KERAP KALI MALAYSIA MENJADI MANGSA MAKLUMAT TIDAK TEPAT YANG TELAH MENJEJASKAN KESEMUA USAHA UNTUK MEMAJUKAN SEBUAH PASARAN MODAL YANG SIHAT. -- BERNAMA  
1345MST 18 07 88